

Media Title	: Berita Harian
Headline	: UOB Malaysia sedia RM1b pembiayaan lestari PKS
Date	: 20 September 2022
Section	: Bisnes
Page	: 25



# UOB Malaysia sedia RM1b pembiayaan lestari PKS

**Bank pertama jalin kerjasama dengan SJPP jayakan program pembangunan hijau**

Oleh Mohd Zaky Zainuddin  
zaky@bh.com.my

**UOB Malaysia** memperuntukkan RM1 bilion menerusi program UGreen Financing bagi membantu perusahaan kecil dan sederhana (PKS) menjayakan inisiatif kelestarian perniagaan.

UOB Malaysia dalam satu kenyataan berkata, program hasil kerjasama dengan Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan Malaysia (SJPP) menjadikannya bank pertama untuk bekerjasama dengan SJPP dalam program pembiayaan hijau.

“Bank telah memperuntukkan RM1 bilion untuk program ini, manakala SJPP akan menjamin sehingga 80 peratus daripada pinjaman melalui Skim Jaminan Kerajaan PEMULIH (PGGS).

“U-Green Financing disediakan untuk PKS dan syarikat ber-

saiz sederhana yang layak dari pada semua industri yang ingin menyumbang kepada pembangunan bandar pintar dan mampan.

“Syarikat yang ingin membangunkan atau membina bangunan hijau, memudahkan perdagangan hijau, ataupun menyumbang kepada ekonomi pekeliling juga layak untuk berbuat demikian,” katanya.

Terbuka kepada kedua-dua pelanggan sedia ada dan baharu UOB Malaysia, kemudahan itu disediakan dalam bentuk pinjaman berjangka, kemudahan *overdraft* dan pembiayaan perdagangan.

#### Perkenal siri bengkel PKS

Di samping menyediakan pembiayaan, UOB Malaysia juga akan bekerjasama dengan Malaysian Research Accelerator for Technology and Innovation (MRANTI) untuk memperkenalkan siri bengkel berkenaan alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG).

Siri bengkel itu bertujuan melengkapkan PKS dengan pengetahuan dan maklumat praktikal bagi mulakan perjalanan ESG.

Melalui siri bengkel itu, PKS dapat meraih manfaat daripada silibus yang dibangunkan bersama oleh MRANTI dan penyedia latihan yang diluluskan.

Ketua Pegawai Eksekutif UOB Malaysia, Ng Wei Wei, berkata, UOB Malaysia bersama SJPP dan

MRANTI, memainkan peranan penting dan saling melengkapi dalam menyokong penerimaan ESG oleh PKS.

Bengkel anjuran MRANTI akan membantu PKS memperoleh pengetahuan yang diperlukan dalam penerimaan ESG, manakala kerjasama kami dengan SJPP akan menyediakan sokongan pembiayaan untuk membantu mereka memulakan usaha kemampuan mereka.

“Kami berbesar hati menjadi bank pertama yang bekerjasama dengan SJPP dalam melancarkan program pembiayaan hijau untuk PKS.

“Dengan menjadikan pembia-

yaan hijau lebih mudah diakses, kami berharap ia dapat menggalakkan PKS menerima amalan perniagaan yang mampan.

“Ini akan meningkatkan profil ESG mereka, terutama jika mereka berminat untuk menyertai dan bersaing dalam rantai nilai global,” katanya.

Selain U-Green Financing, UOB Malaysia menjadi Institusi Kewangan Peserta bagi Kemudahan Peralihan Rendah Karbon Bank Negara Malaysia, serta Kemudahan Teknologi Tinggi dan Hijau.

Sementara itu, Pegawai Utama SJPP, Chen Yin Heng, berkata cadangan kerjasama itu selaras dengan matlamat negara untuk mencapai pelepasan karbon sifar bersih menjelang 2050.

“SJPP, melalui skim jaminannya, komited dalam menyokong usaha kerajaan menggiatkan pertumbuhan ekonomi, khususnya dalam sektor PKS.

“Pelbagai inisiatif dan polisi strategik dilaksanakan dengan tujuan merangsang dan membungkungkan peluang perniagaan untuk sektor ini.

“Kami berharap U-Green Financing akan menggalakkan penerimaan amalan ESG oleh lebih banyak PKS dan syarikat korporat bersaiz sederhana selain mengurangkan jejak karbon mereka,” katanya.

**• Kami berbesar hati menjadi bank pertama yang bekerjasama dengan SJPP dalam melancarkan program pembiayaan hijau untuk PKS •**

**Ng Wei Wei,**  
Ketua Pegawai  
Eksekutif UOB  
Malaysia

